

**FOREX: Ringgit Ditutup Rendah Berbanding Dolar AS
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Ringgit ditutup rendah berbanding dolar AS Khamis berikutan kebimbangan akan pengeluaran lemah pembuatan China yang menjejaskan prospek eksport rantau ini, kata para peniaga.

Pada 5 petang, unit tempatan disebut harga pada 3.0805/0835 berbanding dolar AS daripada 3.0730/0760 semalam.

Seorang peniaga berkata prestasi ringgit itu sejajar dengan kelemahan mata wang serantau selepas unjuran laporan swasta bahawa pengeluaran pembuatan China akan menguncup bagi tempoh lima bulan berturut-turut.

"Pelabur bimbang dengan keadaan ekonomi China dan mencetuskan kebimbangan tentang prospek eksport," katanya.

Sementara itu, ringgit ditutup bercampur-campur berbanding mata wang utama lain.

Ringgit menyusut berbanding dolar Singapura kepada 2.4346/4379 daripada 2.4344/4388 dan turun berbanding yen kepada 3.7150/7213 daripada 3.6666/6720 sebelumnya.

Ia naik berbanding pound British kepada 4.8823/8880 daripada 4.8901/8961 dan meningkat berbanding euro kepada 4.0539/0585 daripada 4.0794/0843 sebelumnya

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654200>